


LAMPIRAN 3

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
MULAI TAHUN 2021**

**BAHASA ARAB
(2361)**

**PANDUAN PENSKORAN
PENTAKSIRAN LISAN**

2361/2 – BAHASA ARAB KERTAS 2




PANDUAN UJIAN LISAN BAHASA ARAB SPM

1.0 MAKLUMAT AM

- 1.1 Kertas Ujian Lisan wajib diduduki oleh semua calon yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab SPM semasa berada di Tingkatan Lima.
- 1.2 Pihak sekolah hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pentaksiran Ujian Lisan Bahasa Arab yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab.
- 1.3 Jawatankuasa Pentaksiran hendaklah merancang dan melaksanakan Ujian Lisan bahasa Arab kepada semua calon.
- 1.4 Pentaksiran Ujian Lisan akan dilaksanakan oleh guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab.
- 1.5 Kriteria pemarkahan dalam Panduan Ujian Lisan Bahasa Arab SPM hendaklah dimaklumkan kepada calon.
- 1.6 Aktiviti penyetaraan akan dilaksanakan oleh pegawai yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan.
- 1.7 Ujian ini dilaksanakan mulai bulan **JUN** hingga **JULAI** tahun semasa.
- 1.8 Tarikh akhir pentaksir menghantar Borang Markah Keseluruhan pada **31 JULAI** tahun semasa.
- 1.9 Setiap calon dikehendaki menjawab **satu** set soalan ujian yang telah ditentukan.
- 1.10 Masa yang diperuntukkan bagi tiap-tiap calon ialah 10 hingga 15 minit.
- 1.11 Markah penuh bagi ujian ini ialah 50 markah:

Bahagian	Perkara	Markah
A	Pengenalan Diri	5 markah
	Memberi Respons Berdasarkan Bahan Rangsangan	15 markah
B	Perbualan Terbuka	30 markah
Jumlah		50 markah



- 1.12 Pentaksiran dijalankan di bilik-bilik ujian yang disediakan oleh pihak sekolah. Setiap calon akan ditempatkan di bilik kuarantin terlebih dahulu secara bergilir-gilir sebelum ujian lisan dijalankan.
- 1.13 Semasa di bilik kuarantin calon akan diberikan satu tajuk perbualan terbuka sebagai persediaan sebelum ujian lisan dijalankan.
- 1.14 Ujian lisan dijalankan sekali sahaja mengikut jadual yang ditetapkan.


2.0 ARAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

- 2.1 Mematuhi arahan Lembaga Peperiksaan berkaitan pelaksanaan Ujian Lisan Bahasa Arab bagi calon yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab SPM.
- 2.2 Memastikan Jawatankuasa Pentaksiran Ujian Lisan Bahasa Arab ditubuhkan di sekolah.
- 2.3 Memastikan pentaksir memahami dan menjalankan pentaksiran Ujian Lisan bahasa Arab mengikut panduan pentaksiran yang disediakan.
- 2.4 Memberi taklimat dan penerangan berkaitan Ujian Lisan kepada calon.
- 2.5 Menyediakan segala kemudahan untuk melaksanakan Ujian Lisan.

3.0 ARAHAN KEPADA PENTAKSIR

Pentaksir dikehendaki menjalankan ujian ini mengikut langkah-langkah seperti berikut:

- 3.1 Bahagian A
 - (a) Pentaksir akan mengemukakan soalan secara lisan daripada set yang ditentukan kepada calon berkenaan.
 - (b) Pentaksir akan mengemukakan 3 soalan mukaddimah kepada calon.
 - (c) Pentaksir akan memberikan calon bahan rangsangan.
 - (d) Calon perlu mengemukakan tiga ayat berkaitan bahan rangsangan.
 - (e) Pentaksir dibenarkan membantu calon dengan soalan-soalan rangsangan.
 - (f) Pentaksir perlu memberikan skor sebaik sahaja calon selesai menjalani ujian berdasarkan kriteria yang ditetapkan.



3.2 Bahagian B

- (a) Pentaksir mengemukakan tajuk perbualan yang telah ditetapkan. Sekiranya calon tidak dapat menjawab tajuk yang diberikan, pentaksir boleh memilih **satu** tajuk perbualan yang lain daripada senarai tajuk yang dicadangkan.
 - (b) Pentaksir dibenarkan membantu calon dengan soalan-soalan rangsangan.
 - (c) Pentaksir perlu memberikan skor sebaik sahaja calon selesai menjalani ujian berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- 3.3 Pentaksir hendaklah sentiasa menunjukkan sikap yang positif dan tidak memberi komen yang boleh dianggap mengganggu calon.
- 3.4 Pentaksir perlu menjumlahkan skor bagi kedua-dua bahagian di dalam Borang Markah Individu 2361/2 Bahasa Arab (Rujuk Lampiran A).
- 3.5 Pentaksir perlu melengkapkan Borang Markah Keseluruhan 2361/2 Bahasa Arab (Rujuk Lampiran B).


4.0 PANDUAN PENSKORAN UJIAN LISAN BAHASA ARAB 2361/2

4.1 BAHAGIAN A (20 MARKAH)

- 4.1.1 Sesi perbualan dimulai dengan 3 soalan mukaddimah yang diperuntukkan 5 markah.
- 4.1.2 Pemberian markah bahan rangsangan berdasarkan perkara berikut:
 - (a) Idea dan huraihan (9 markah)
 - (b) Tatabahasa (2 markah)
 - (c) Sebutan (2 markah)
 - (d) Kefasihan (2 markah)


4.2 BAHAGIAN B (30 MARKAH)

- 4.2.1 Pemberian markah perbualan terbuka mengikut perkara berikut:
 - (a) Idea dan huraihan (15 markah)
 - (b) Tatabahasa (5 markah)
 - (c) Sebutan (5 markah)
 - (d) Kefasihan (5 markah)




4.3 Kriteria Pemarkahan Bahagian A

Bil	Perkara	Skor	Aspek	Kriteria
1	Perbualan Terhad	11 - 15 Cemerlang	Idea dan huraihan	Memberi dua atau tiga idea berserta huraihan yang tepat dan mencapai maksud.
			Tatabahasa	Penggunaan tatabahasa betul dan tepat.
			Sebutan	Sebutan betul, sangat jelas dan tepat.
			Kefasihan	Keseluruhan pengucapan sangat lancar.
		6 - 10 Baik	Idea dan huraihan	Memberi satu atau dua idea berserta huraihan yang tepat dan mencapai maksud.
			Tatabahasa	Terdapat sedikit kesilapan tatabahasa.
			Sebutan	Sebutan betul dan jelas.
			Kefasihan	Keseluruhan pengucapan lancar.
		3 - 5 Memuaskan	Idea dan huraihan	Memberi satu idea tanpa huraihan.
			Tatabahasa	Terdapat banyak kesilapan tatabahasa.
			Sebutan	Sebutan masih betul tetapi kurang tepat dan kurang jelas.
			Kefasihan	Keseluruhan pengucapan kurang lancar.
		1 - 2 Lemah	Idea dan huraihan	Keseluruhannya lemah, tidak menunjukkan penguasaan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.
			Tatabahasa	
			Sebutan	
			Kefasihan	




4.4 Kriteria Pemarkahan Bahagian B

Bil	Perkara	Skor	Aspek	Kriteria
1	Perbualan Terbuka	21 - 30 Cemerlang	Idea dan huraihan	Memberi empat atau lima idea berserta huraihan yang tepat dan mencapai maksud.
			Tatabahasa	Penggunaan tatabahasa betul dan tepat.
			Sebutan	Sebutan betul, sangat jelas dan tepat.
			Kefasihan	Keseluruhan pengucapan sangat lancar.
		11 - 20 Baik	Idea dan huraihan	Memberi dua atau tiga idea berserta huraihan yang tepat dan mencapai maksud.
			Tatabahasa	Terdapat sedikit kesilapan tatabahasa.
			Sebutan	Sebutan betul dan jelas.
			Kefasihan	Keseluruhan pengucapan lancar.
		4 - 10 Memuaskan	Idea dan huraihan	Memberi satu idea berserta huraihan yang tepat dan mencapai maksud.
			Tatabahasa	Terdapat banyak kesilapan tatabahasa.
			Sebutan	Sebutan masih betul tetapi kurang tepat dan kurang jelas.
			Kefasihan	Keseluruhan pengucapan kurang lancar.
		1 - 3 Lemah	Idea dan huraihan	Keseluruhannya lemah, tidak menunjukkan penguasaan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.
			Tatabahasa	
			Sebutan	
			Kefasihan	



4.5 Glosari Ujian Lisan

Istilah	Maksud
Idea	Pengucapan yang mengandungi erti atau bererti. Pengucapan yang mencapai maksud atau kehendak tugasan.
Tatabahasa	Peraturan bahasa .
Sebutan	Cara melafazkan atau menyebut perkataan yang diterima sebagai yang betul atau yang wajar.
Kefasihan	Lancar dan mudah bercakap. Pandai berkata-kata. Pantas dan tidak tersekat-sekat.



LAMPIRAN A

**BORANG MARKAH INDIVIDU
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
UJIAN LISAN
BAHASA ARAB 2361/2**

Nama Calon :

Angka Giliran :

Set Soalan :

BIL	PERKARA	MARKAH	JUMLAH
1	BAHAGIAN A (PERBUALAN TERHAD)	20	
	• Pengenalan diri	5	
	• Idea dan huraian	9	
	• Tatabahasa	2	
	• Sebutan	2	
	• Kefasihan	2	
2	BAHAGIAN B (PERBUALAN TERBUKA)	30	
	• Idea dan huraian	15	
	• Tatabahasa	5	
	• Sebutan	5	
	• Kefasihan	5	
JUMLAH KESELURUHAN			50

Tandatangan Pentaksir 1 :

Nama Pentaksir 1 : Tarikh:

Tandatangan Pentaksir 2 :

Nama Pentaksir 2 : Tarikh:

LAMPIRAN B

**BORANG MARKAH KESELURUHAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
UJIAN LISAN
BAHASA ARAB 2361/2**

BIL	NAMA CALON	ANGKA GILIRAN	MARKAH	CATATAN

Tandatangan Pentaksir: Tandatangan Pengetua :

Nama Pentaksir : Nama Pengetua :

Tarikh: Nama dan Alamat Sekolah:
.....
.....

Cap Rasmi Sekolah:

Tarikh: